

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unifilm Studio UUM
Sent: Thursday, April 07, 2016 8:59 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: Jana Pendapatan Melalui Ilmu Penulisan Skrip



7 APRIL 2016 / 29 JAMADILAKHIR 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

JANA PENDAPATAN MELALUI ILMU PENULISAN SKRIP



SINTOK – Skop yang luas dalam bidang penulisan memberi peluang kepada peserta Bengkel Penulisan Skrip anjuran Unifilm Studio, Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjana pendapatan sampingan apabila dapat mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari.

Pengarah Unifilm Studio, Bahiyah Md Idris berkata, tujuan utama bengkel ini dianjurkan untuk memberi tunjuk ajar kepada peserta dalam teknik asas penulisan skrip filem pendek dan drama.

“Penganjuran bengkel seumpama ini diharap dapat melahirkan lebih ramai penulis skrip yang boleh menghasilkan karya kreatif dan berkualiti.

“Bengkel kali ini menampilkan tenaga pengajar dari Kreatis Medialoka (M) Sdn. Bhd. iaitu Pouvin Sandera dan Loh Chung Tat di mana kedua-dua penceramah ini merupakan graduan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan UUM,” ujar beliau.

Pouvin dan Loh Chung Tat masing-masing merupakan Pengarah Pengurusan dan Pengarah Kreatif Kreatis Medialoka (M) Sdn. Bhd. memilih untuk menceburi bidang penulisan skrip kerana mereka melihat bidang tersebut berpotensi dalam menjana kekayaan.

Menurut Pouvin, matlamat utama mereka ialah memastikan kesemua peserta dapat memahami penulisan skrip yang sebenar mengikut format yang telah ditetapkan dalam industri penyiaran.

"Kami harap peserta dapat mempelajari dan mengaplikasikan ilmu asas penulisan skrip bermula dari penajaan idea. Mereka juga diberi pendedahan tentang penghayatan watak melalui lakonan.

"Amat penting bagi seorang penulis skrip untuk menghayati sesuatu watak kerana hal ini mempengaruhi keberkesanan skrip yang dihasilkan. Dalam setiap skrip mengandungi pelbagai watak, justeru penghayatan seorang penulis dalam keseluruhan watak yang ada bagi sebuah cerita menjadi faktor utama penghasilan sebuah skrip yang hebat," jelas Pouvin.

Tambahnya lagi, sebuah naskhah drama atau filem pendek yang baik dapat memberikan gambaran jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog yang dihasilkan.

Unsur dramatik bermaksud diksi atau ungkapan yang boleh membangunkan konflik dalam drama seperti dialog yang menimbulkan perasaan marah, gembira, lucu, dan seumpamanya.

Sebuah drama yang baik juga harus mempunyai unsur suspen, ketegangan dan seharusnya mampu membina rasa ingin tahu pembaca atau penonton.

Antara hasil karya Puovin dan Loh Chun Tat seperti Jodoh Sebelah Pintu, Adnan Sempit, Janda-jandaku Ganster, Man Rider, Kampung Drift, Bini Biniku Gongxi, Selipar Jepun Stiletto Merah, Rempit Sampai Langit, Balistik, Dokumentari Strategi Laut Biru Angkatan Tentera Malaysia dan banyak lagi.

Bengkel siri pertama yang diadakan selama dua hari di Hotel EDC, UUM hanya dihadkan kepada 15 peserta sahaja bagi memberi tumpuan kepada peserta yang terdiri daripada pelbagai bidang termasuk pensyarah UUM.

=====

DARIPADA:

UNIFILM STUDIO

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3750

FAKS: 04-928 3777

E-MEL: unifilm@uum.edu.my

WEBSITE: unifilm.uum.edu.my

